



**MAJLIS KEBANGSAAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN WANITA MALAYSIA
NATIONAL COUNCIL OF WOMEN'S ORGANISATIONS MALAYSIA (NCWO)
(MEMBER OF ASEAN CONFEDERATION OF WOMEN'S ORGANISATIONS)**

46, Jalan 14/29, 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: (603) 7954 3008 Faks: (603) 7954 2881
Laman Web: www.ncwomalaysia.org.my E-mel: ncwohq@gmail.com

NCWO.OG.2021/06/042

18 Jun 2021

Yang Mulia Tuan Tengku Amir Zaki bin Tengku Abdul Rahman
Pengarah Pendakwaan Negeri Johor
Aras 2, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad, Kota Iskandar,
79503, Iskandar Puteri,
Johor
Email: tengku.amir@agc.gov.my

Assalamualaikum Yang Mulia Tengku,

PERMOHONAN SEMAKAN KEPUTUSAN MAHKAMAH MENGENAKAN JAMINAN KE ATAS TERTUDUH ROSMAINI ABD RAOF BAGI KES KEJADIAN MENDATANGKAN CEDERA PARAH BERSABIT LARKIN RPT/3956/2021

Bagi pihak Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita (NCWO) saya sampaikan salam hormat kepada YM Tengku. NCWO adalah gabungan kira-kira 200 NGO di peringkat Kebangsaan dan Negeri yang terdiri daripada wanita pelbagai keturunan, kepercayaan, ideologi politik, status sosio-ekonomi, profesion dan minat. Sebagai sebuah gabungan NCWO tidak memihak mana-mana (*non-partisan*) dan hanya berjuang untuk kemajuan dan pemerkasaan wanita, serta anak-anak dan keluarga mereka berasaskan hak asasi manusia, kesaksamaan gender dan prinsip pembangunan, keadilan dan kedamaian.

2. Merujuk kepada perkara yang tersebut di atas izinkan saya menyampaikan luahan tidak puas hati Wanita tentang keputusan Mahkamah Johor Baru di hadapan Hakim

Mabel Sheela Victor Mutiah yang dilaporkan dalam media massa pada 17 Jun 2021. Hakim menetapkan wang jaminan terhadap tertuduh sebanyak RM7,000 dengan dua penjamin selain perlu melapor diri di balai polis berhampiran dan tidak mengganggu mangsa. Mahkamah juga menetapkan sebutan semula kes pada 25 Julai depan bagi pengurusan dokumen.

3. NCWO sedia maklum bahawa pihak pendakwaraya boleh menfaillkan semakan semula ke atas keputusan mahkamah ini dalam tempoh 14 hari. Untuk itu, kami merayu agar pihak YM dapat membuat permohonan semakan semula ini supaya keadilan dapat dicapai, agar tertuduh diberikan hukuman yang berat dari mula sebutan kes dan tidak begitu mudah dilepaskan semasa menunggu hari perbicaraan.
4. NCWO membuat rayuan ini kerana hukuman tidak setimpal dengan beban yang ditanggung oleh mangsa dan semua orang yang menjaga mangsa termasuk juga rakyat yang turut merasa *empathy* terhadap mangsa. Mangsa, iaitu isteri beliau Puan Jahidah Nordin @Sylvester mengalami kecederaan yang amat serius. Selain hamil semasa kejadian, mangsa mengalami kecederaan parah di kepala sehingga koma, dan sebahagian tengkorak terpaksa dibuang akibat pendarahan. Selain itu rahang, tulang belakang serta rusuk retak akibat dipukul. Usia kandungannya kini memasuki 12 minggu dan dalam keadaan baik tetapi pasukan perubatan memaklumkan mangsa mungkin hilang ingatan dan peluangnya pulih seperti biasa adalah tipis. Beliau juga perlu diberi jagaan rapi oleh keluarga.
5. Alasan yang diberi tertuduh iaitu Rosmaini Abd. Raof yang mengaku tidak bersalah, bahawa beliau perlu menanggung empat isteri dan tujuh orang anak tidak boleh diterima langsung. Apa yang perlu dipertimbangkan dalam hukuman adalah kes ini merupakan keganasan rumah tangga, satu jenayah yang dilakukan penjenayah ke atas mangsa yang dianggap lemah. Selain mencederakan mangsa, lebih bahaya lagi adalah kitaran maut (*intergenerational vicious cycle*) jenayah turun temurun dalam keluarga di mana anak-anak akan meniru tingkah laku buruk penjenayah.
6. Justeru, hukuman yang diberi harus menjadi pengajaran, bukan sahaja kepada penjenayah malahan kepada masyarakat, bahawa keganasan bukanlah jalan penyelesaian konflik dalam rumah tangga. Jaminan rendah kepada tertuduh bukan sahaja amat tidak adil kepada mangsa dan keluarga mangsa tetapi juga seolah-olah menyepak muka kaum wanita yang lazim menjadi mangsa. Ianya juga memberi mesej yang salah kepada orang awam bahawa jenayah ini adalah ringan. Penurunan jaminan ini juga memberi isyarat seolah-olah Mahkamah tidak menganggap keganasan rumah tangga sebagai jenayah berat dan tidak mengambil kira langsung tahap kecederaan yang dialami oleh mangsa. Penjenayah ini masih menjadi ancaman

kepada isteri-isteri lain dan anak-anaknya. Hal ini amat menyedihkan dan mendukacitakan.

7. NCWO merayu pihak pendakwaraya menfaillkan semakan semula ke atas keputusan mahkamah ini dalam tempoh 14 hari supaya keadilan dapat dicapai dan menjadi pengajaran kepada masyarakat. Kita perlu hakiskan salah tafsiran dan pandangan bahawa kes-kes penderaan boleh saja terus berleluasa kerana walaupun pemangsa ditangkap, mereka dengan mudah dilepaskan semula dengan jaminan yang sangat rendah berbanding kecederaan yang dialami mangsa. Kita juga perlu meningkatkan kesedaran bahawa kes keganasan adalah rumit dan memerlukan tindakan komprehensif melibatkan pelbagai sektor dan agensi.
8. Di atas pertimbangan segera YM berkaitan kes ini, saya dahului dengan ribuan Terima Kasih.

Terima kasih dan Wassalam.



Prof Emerita Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan

Yang Dipertua NCWO Malaysia